

SUMBANGAN SHAYKH AHMAD AL-FATHANI (1856-1908M) TERHADAP ILMU NAHU

Diyak Ulahman bin Mat Saad
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
diyakulahman@kuis.edu.my

Muhammad Faiz Mukmin bin Abdul Mutalib
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
faizmukmin@kuis.edu.my

Abstrak

Tokoh-tokoh silam dunia Melayu cukup masyhur dalam pelbagai corak penulisan, namun terlalu sedikit perbincangan mengenai keterlibatan mereka dalam kesasteraan dan linguistic Bahasa Arab. Kebanyakan ahli akademik moden berpendapat bahawa tokoh-tokoh silam dunia Melayu hanyalah terlibat dalam tiga cabang ilmu iaitu fiqh, tauhid dan tasauf sahaja. Manakala dalam bidang penulisan, mereka berpendapat bahawa penulisan yang dihasilkan hanyalah bersifat terjemahan bahasa Arab ke bahasa Melayu. Ada juga yang menyatakan bahawa tokoh-tokoh silam Melayu hanya mampu menghasilkan penulisan dalam bahasa Melayu sahaja dan bukan dalam bahasa Arab. Namun, semua anggapan ini tidak benar. Maka, objektif artikel ini ialah untuk memperkenalkan seorang tokoh silam Melayu yang merupakan antara tokoh Nusantara yang masyhur dengan kepakaran bahasa Arabnya dari segi penulisan dan penuturan. Tokoh tersebut ialah Shaykh Ahmad al-Fathani (1856-1908M). Artikel ini menggunakan metodologi kajian kualitatif iaitu dengan menganalisa dokumen dan teks serta kajian-kajian terdahulu. Hasil kajian mendapati Shyakh Ahmad al-Fathani telah memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu Nahu terutama sekali di sekolah-sekolah pondok di negeri Kelantan.

Kata kunci: Sumbangan, Shaykh Ahmad al-Fathani, ilmu Nahu, tokoh Nusantara.

Pengenalan

Ulama Melayu silam memainkan peranan yang signifikan dalam membina budaya ilmu dalam masyarakat tempatan. Walaupun Islam hadir ketika dalam era kejatuhan tamadun intelektual, namun kedatangannya telah berjaya mengubah cara hidup masyarakat Melayu Nusantara sama ada dalam faktor internal iaitu perasaan (soul) mahupun eksternal iaitu fizikal (body) (al-Attas, 1969). Lanjutan dari proses transformasi ini, ulama Melayu silam telah berusaha untuk menghasilkan masyarakat yang berilmu melalui pendemokrasian sistem pendidikan. Hasil gigih para ulama ini dapat dilihat dalam penubuhan institusi pendidikan yang termasuklah fiqh, tauhid, nahu dan sebagainya. Mereka memainkan peranan yang besar dalam mengeluarkan karya-karya berbahasa Arab dan jawi sebagai medium sosialisasi ajaran Islam dalam masyarakat Melayu Nusantara (Saadan Man & Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2012). Dalam artikel ini, penulis ingin memberi fokus kepada salah satu cabang ilmu bahasa Arab iaitu ilmu Nahu. Perbincangan mengenai ilmu Nahu secara khususnya yang dibawa oleh ulama Melayu amnya dan oleh ulama Melayu Nusantara khususnya adalah amat sedikit.

Ilmu bahasa Arab merupakan ilmu alat dan amat penting bagi memahami ilmu-ilmu agama dengan mendalam dan berkesan. Ia adalah satu pengajian yang telah lama dipelajari terutama sekali oleh penduduk di negeri Kelantan. Tiga komponen utama ilmu bahasa Arab yang dipelajari di pondok-pondok di negeri Kelantan ialah ilmu Nahu, ilmu Sorf dan ilmu Balaghah. Pengajian bahasa al-Quran ini telah tersebar luas di negeri Serambi Mekah ini bermula dengan kedatangan peniaga-peniaga Arab dan para pendakwah ke Tanah Melayu amnya dan ke negeri Kelantan khususnya. Mereka ini telah menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pertuturan mereka. Bahasa pertuturan ini telah mempengaruhi jiwa masyarakat Melayu dan sebahagiannya telah digunakan oleh masyarakat Melayu dalam pertuturan mereka (Mohd Alwee Yusoff, 1994).

Berdasarkan penelitian yang dilakukan, penulis mendapati Shaykh Ahmad al-Fathani merupakan antara ulama Melayu silam yang banyak menyumbang dalam bidang bahasa Arab, terutama sekali dalam ilmu Nahu. Sejumlah besar karya-karya yang dihasilkan oleh Shaykh Ahmad al-Fatani telah digunakan dalam pengajian bahasa Arab di pondok-pondok negeri Kelantan. Guru-guru yang mengajar di pondok-pondok tersebut seperti Tok Kenali (1870-1933M), Haji Umar Sungai Keladi (1867-1946M) dan Shaykh Uthman Jalaluddin Penanti al-Kalantani (1880-1952M) merupakan di antara anak murid Shaykh Ahmad al-Fathani (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011).

Nama, kelahiran dan keturunannya

Nama penuh beliau ialah Wan Ahmad Bin Wan Muhammad Zain Bin Wan Mustafa al-Fathani. Wan Mohd Shaghir Abdullah, yang juga cucu kepada Syeikh Ahmad al-Fatani pula menyatakan bahawa, nama lengkap Syeikh Ahmad al-Fathani ialah: Wan Ahmad Bin Wan Muhammad Zainal Abidin Bin Datul Panglima Kaya Syeikh Haji Wan Mushthafa Bin Wan Muhammad Bin Wan Muhammad Zainal Abidin (Faqih Wan Musa al-Jambui al-Sanawi al-Fathani) Bin Wan Muhammad Shalih al-Laqihi Bin Ali al-Masyhur al-Laqihi. Walau bagaimanapun, menurut Wan Shaghir lagi, nasab yang sah dan ditahqiq dari Syeikh Ahmad al-Fathani sendiri ialah: Ahmad Bin Zainal Abidin Bin Haji Wan Mushthafa Bin Wan Muhammad Bin Wan Muhammad Zainal Abidin al-Fathani (al-Syarqawi, 2009).

Beliau dilahirkan di Kampung Jambu, Jerim Patani pada 10 April 1856M bersamaan 5 Syaaban 1272H pada malam Jumaat (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011). Beliau berasal dari keturunan para muballigh agama Islam yang datang dari Hadhramaut. Sebahagian pengkaji sejarah mengatakan bahawa nasab silsilahnya bertalian dengan Saidina Abbas Bin Abdul Mutalib, bapa saudara Rasulullah S.A.W (al-Syarqawi, 2009).

Shaykh Ahmad al-Fathani juga mempunyai beberapa nama dan gelaran. Antara nama-nama lain yang diberikan kepadanya ialah 'Tok Guru Wan Ngah' dan ada juga yang memanggilnya 'Tuan Faridah' sahaja sempena dengan nama sebuah karyanya yang berjudul 'Faridah al-Fari'id fi 'Ilm al-'Aqa'id'. Kitab ini sangat terkenal di kalangan 'Anak Pondok' dan para penuntut kitab di Selatan Thailand dan Malaysia Barat. Selain itu, beliau sangat terkenal dengan gelaran al-Adib, al-Adib al-Kamil, al-'Allamah al-Adib bersempena dengan kepakarannya dalam bidang kesusasteraan Arab (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011).

Melihat kepada gelaran-gelaran yang diberikan oleh masyarakat setempat, penulis percaya bahwa Shaykh Ahmad al-Fathani merupakan seorang ulama yang memiliki ilmu agama dan kepakaran dalam bahasa Arab yang tinggi.

Zaman kanak-kanaknya

Shaykh Ahmad al-Fathani hidup di kampung Jambu, Jerim dalam suasana dikelilingi oleh para ulama. Beliau telah banyak bergaul dan menuntut ilmu daripada para ilmuan di kampung beliau. Semenjak berusia dua tahun, beliau telah dilatih oleh ibu bapa beliau untuk menghafal pelbagai matan. Disebabkan suasana keilmuan yang diterapkan oleh ibu bapa beliau, Shaykh Ahmad al-Fathani menjadi minat dengan ilmu pengetahuan. Beliau membesar menjadi seorang kanak-kanak yang kuat ingatan. Beliau merupakan seorang kanak-kanak yang mudah menghafal dan mengingati sesebuah matan. Kemampuan beliau ini membuatkan ibu bapa, saudara mara terdekat, serta kaum kerabat beliau berasa amat kagum (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011).

Sekitar umur beliau empat tahun, beliau telah mengikut ayah dan ibunya pindah ke Mekah. Ketika di Mekah, beliau tidak menampakkan diri sebagai seorang anak yang rajin belajar. Ini kerana beliau belajar secara sembunyi-sembunyi, tanpa pengetahuan kedua-duanya. Perkara ini menyebabkan kedua-dua orang tuanya mulai gelisah, kerana jika hal demikian berlaku terus menerus akan mengakibatkan gagal semua cita-cita ibu bapanya yang ingin anaknya itu menjadi seorang yang termasyhur dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Akan tetapi kedua-dua orang tuanya berasa lega dan hairan kerana apa yang ditanyakan kepada anaknya tetap dapat menjawab dan hafalannya luar biasa, kerana menghafal pelbagai matan yang melebihi daripada teman-temannya yang lain.

Di kalangan keluarga Patani dan Kelantan yang berada di Mekah ketika itu mempercayai bahawa Ahmad telah mendapat ilmu ladunni. Hal tersebut lebih menonjol setelah dia berumur 12 tahun. Dalam usia yang demikian muda, dia telah mengajar ilmu tatabahasa Arab (ilmu Nahu dan Sorof dan lain-lain) kepada orang dewasa yang telah puluhan tahun belajar (Wan Mohd Shaghir, 2008).

Selain itu, sifat minat kepada ilmu pengetahuan beliau dikuatkan lagi dengan keturunan nenek moyang beliau yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi. Individu yang paling ketara dalam ketinggian ilmunya adalah datuk beliau Shaykh Wan Mustapha bin Muhammad bin Muhammad Zain bin Muhammad bin Musa yang mempunyai empat orang putera. Mereka ialah Muhammad Zain, Abdul Qadir, Abdul Latif dan Daud. Keempat-empat putera Shaykh Wan Mustapha memiliki kewarakan dan kealiman yang tinggi. Shaykh Wan Mustapha merupakan seorang imam yang merangkap Panglima Perang Sabil. Beliau juga merupakan hulubalang Melayu Fatani yang gugur dipancung oleh tentera kafir Siam ketika sedang bersembahyang di pinggir medan perang lebih kurang satu setengah abad yang lampau.

Keturunan para ilmuan yang aktif dalam kegiatan ilmu ini membantu beliau membentuk keutuhan dan kefakihan dalam ilmu pengetahuan. Beliau juga sering terlibat dengan segala kegiatan ilmu dan aktiviti dakwah Islamiyyah yang dilakukan oleh nenek moyang beliau (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011).

Latar belakang pendidikannya

Ayah Shaykh Ahmad al-Fathani merupakan guru pertama bagi beliau sejak dari kecil lagi. Seorang lagi yang sering bersama ayah beliau dalam mendidik dan memberi pelajaran adalah bapa saudara beliau Wan Abdul Qadir. Wan Abdul Qadir merupakan seorang guru pondok yang sangat masyhur di Patani pada ketika itu (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011). Ketika berusia empat tahun beliau telah dibawa oleh ibu bapanya menetap di Makkah. Ketika di Makkah, beliau menuntut ilmu dengan para ulama' Makkah dan telah menghafaz al-Quran dan beberapa matan. Antara guru yang sering beliau dampingi ialah Sayyid Umar al-Syami al-Buqacyi. Dengannya, beliau mendalami pelbagai disiplin ilmu seperti bahasa Arab, usuluddin, tafsir, hadis, feqah, maani, bayan, arudh dan banyak lagi (al-Syarqawi, 2009).

Kemudian, beliau pernah mengembara ke Baitul Maqdis selama dua tahun untuk mempelajari ilmu kedoktoran atau ilmu tabib dan ilmu agama. Peninggalannya dalam ilmu tabib ialah karyanya yang berjudul 'Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan' dan Luqtah al-'Ijlan. Dalam masa dua tahun itu, beliau sempat mendalami pelbagai ilmu terutama ilmu agama. Selama di Baitul Maqdis, beliau telah bersahabat dengan Sayyid Yusuf an-Nabhani iaitu pengarang pelbagai kitab di antaranya al-Anwar al-Muhammadiyah yang terkenal. Apabila beliau kembali ke Mekah, ibu bapanya terkejut apabila mendapati Shaykh Ahmad al-Fathani telah menjadi seorang ulama, sedangkan pada usia mudanya beliau tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011).

Walaupun Shaykh Ahmad al-Fathani sudah menjadi mahir dalam bidang kedoktoran, ayah beliau menyimpan harapan agar beliau mendalami lagi ilmu pengetahuan agama supaya menjadi seperti ulama-ulama terdahulu seperti Shaykh Daud bin Abdullah al-Fathani. Ternyata beliau ingin mengotakan harapan ayahnya, lantas beliau membuat keputusan untuk pergi ke Mesir. Tujuan beliau adalah untuk memasuki universiti Al-Azhar yang dikenali dahulu dengan nama Masjid Jami' al-Azhar'. Ketika itu, universiti al-Azhar terkenal sebagai pusat ilmu pengetahuan Islam. Shaykh Ahmad al-Fathani telah memperkenalkan anak Melayu kepada dunia Arab, kerana beliau merupakan antara golongan pertama anak Melayu yang diterima masuk belajar di universiti tersebut (al-Syarqawi, 2009).

Guru-gurunya

Walaupun guru Shaykh Ahmad al-Fatani sangat ramai, tetapi yang sering dibicarakan dalam salasilah atau sanad dan yang paling terkenal di antara mereka lapan orang sahaja (Wan Mohd Saghir, 2008). Mereka adalah:

a) Saiyid Ahmad Bin Zaini Dahlan

Shaykh Ahmad al-Fathani selain belajar di bawah kelompok Saiyid Abu Bakri Syatha, pada waktu yang lain belajar pula secara langsung kepada Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan. Ini bermakna Shaykh Ahmad al-Fathani dan Saiyid Abu Bakri Syatha sama-sama mengaji kitab ketika Saiyid Ahmad bin Zaini Dahlan mengajar.

b) Shaykh Muhammad Bin Sulaiman Hasbullah

Shaykh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah al-Makki namanya selalu disebut oleh Shaykh Ahmad al-Fathani dalam karya-karyanya. Shaykh Ahmad al-Fathani menggelar gurunya

itu dengan Matla' u Syumusit Tahqiq wa Manba' u 'Uyunit Tadqiq bermaksud 'tempat terbit matahari hakikat dan tempat mata air yang halus yang mengalir terus'.

c) Shaykh Muhammad Haqqi An-Nazili

Dalam kitabnya Tuhfatul Ummah fi Shalati 'ala Nabiyir Rahmah, Shaykh Ahmad al-Fathani mengatakan bahawa beliau telah mengambil ijazah secara musyafahah dari Shaykh Muhammad Haqqi an-Nazili, iaitu pengarang kitab Mafza akan amalan selawat yang dibangsakan kepada Saidina Zainal Abidin bin Ali bin Saidina Husein bin Saidina Ali bin Abi Thalib.

d) Saiyid Muhammad Amin Ar-Ridhwan

Pada hari Khamis, 20 Rejab 1319 H/1901 M di Madinah al-Munawwarah, as-Saiyid Muhammad Amin bin as-Sayid Ahmad ar-Ridhwan telah mengijazahkan kepada Shaykh Ahmad al-Fathani membaca Selawat Dala-ilil Khairat.

e) Saiyid Muhammad Ali Bin Saiyid Zhahir Al-Watri

Di Madinah, Shaykh Ahmad al-Fathani belajar daripada Saiyid Muhammad Ali bin Saiyid Zhahir al-Watri yang memberikan ijazah mengenai hadis musalsal. Ijazah diberikan di Madinah pada 26 Rejab 1319 H/1901 M.

f) Shaykh Abdul Qadir Asy-Syibli Ath-Tharablusi

Pada tahun yang sama (1319 H/1901 M), di Kota Madinah, seorang ulama bernama Shaykh Abdul Qadir asy-Syibli ath-Tharablusi mengijazahkan kepada Shaykh Ahmad al-Fathani seluruh ilmu pengetahuan termasuk ilmu hadis. Ijazah ini juga merupakan ijazah yang bersambung/bersalasilah.

g) Shaykh Ibrahim Ar-Rasyidi

Shaykh Ahmad al-Fathani sempat bertemu dan menerima tarekat Ahmadiyah Idrisiah daripada Shaykh Ibrahim ar-Rasyidi.

h) Shaykh Ahmad Ad-Dandarawi

Sama halnya dengan Shaykh Ibrahim ar-Rasyidi, nama Shaykh Ahmad ad-Dandarawi juga disebut oleh Shaykh Ahmad al-Fathani dalam kedua-dua karyanya yang disebutkan sebelum ini. Walaupun Shaykh Ahmad al-Fathani telah menerima tarekat Ahmadiyah dari Shaykh Ibrahim ar-Rasyidi. Namun setelah Shaykh Ibrahim ar-Rasyidi meninggal dunia, Shaykh Ahmad al-Fathani beramal dengan tarekat itu di bawah bimbingan Shaykh Ahmad ad-Dandarawi.

Anak muridnya

Shaykh Ahmad al-Fathani merupakan mahaguru bagi kebanyakan ulama yang terkenal di serata dunia. Antara ulama' yang lahir dari didikan rabbani Syekh Ahmad al-Fatani ialah (al-Syarqawi, 2009):

1. Dato' Hj. Abdullah Bin Musa al-Kelantani, mufti kerajaan Johor (1916).
2. Hj. Wan Ishak Bin Imam Hj. Abdullah, Mufti Kerajaan Kelantan (1915).
3. Tuan Guru Hj Umar Bin Ismail, tinggal di sungai Keladi.
4. Tok Kemuning iaitu Hj Ismail Bin Hj Senik (M 1934).

5. Tok Kenali atau nama sebenarnya Hj. Muhammad Yusuf Bin Ahmad (1933). Beliau merupakan guru pondok paling berpengaruh di Kelantan, dan merupakan anak murid kesayangan Shaykh Ahmad.
6. Tok Selihong iaitu Hj Abdul Rahman Syairb Bin Hj. Usman (1935).
7. Tok Padang Jelapang, Hj. Wan Ahmad Bin Hj. Abdul Halim. (1935).
8. Hj. Wan Musa Bin Hj. Abdul Somad, mufti kerajaan Kelantan (1939).
9. Dato' Hj. Muhammad Bin Dato' Hj. Muhammad Said Khatib, setiausaha kerajaan Kelantan (1939).
10. Tuan Guru Hj. Ismail Bin Hj. Mahmud (1941).
11. Tuan Guru Hj. Muhammad Soleh Bin Hj. Hasan.
12. Hj. Wan Musa Bin Wan Ahmad yang merupakan imam Rantau Panjang (1942).
13. Hj. Ismail Bin Hj. Abdul Majid al-Kelantani, mufti kerajaan Pontianak (1950).
14. Tuan Guru Hj. Wan Abdullah Bin Ismail, tinggal di Getting (1952).
15. Tuan Guru Hj. Ismail Kecil Bin Abdul Wahhab, tinggal di Nering (1953).
16. Tok Bacok, Hj Usman Bin Hj. Muhammad (1953).
17. Tok Raja, Hj. Ibrahim Bin Muhammad Yusuf, mufti kerajaan Kelantan (1955).
18. Tok Pulau Ubi, Hj. Yusuf Bin Abdul Rahman.
19. Dato' Hj. Nik Mahmud Bin Hj. Ismail Qadhi, menteri besar Kelantan selama suku abad (1964).
20. Tuan Guru Hj Said Bin Abdul Salam, tinggal di besut Terengganu (1897).
21. Hj. Muhammad Said Bin Hj. Jamaluddin, Negeri Sembilan.
22. Tengku Mahmud Zuhdi Bin Tengku Abdul Rahman al-Fatani, Syaikh al-Islam Kerajaan Selangor (1956).
23. Syeikh Wan Daud Bin Syeikh Mustafa al-Fatani, tinggal di Makkah (1936).
24. Syeikh Wan Muhammad Nor Bin Syeikh Nik Mat Kecil al-Fatani, tinggal di Makkah (1944).
25. Hj. Muhammad Saleh, tinggal di Qadhi Kemboja.
26. Hj. Muhammad Jabbar Khatib Bin Hj. Muhammad Arif, Maharaja Imam Kerajaan Sambas, Kalimantan.
27. Syeikh Muhammad Saad Mongka, Paya Kumbuh, tinggal di Sumatra (1339 H).
28. Maulana Syeikh Sulaiman al-Rusli, Condong, tinggal di Bukit Tinggi, Sumatra (1970).
29. Syeikh Mustafa Husin, Purba, Mendahiling, tinggal di Sumatra (1955).
30. Syeikh Hasanuddin Bin Syeikh Maksum, bergelar Imam Paduka Tuan, mufti kerajaan Deli, Sumatra.
31. Tuan Guru Hj. Wan Abdullah Bendang Gucil, tinggal di Patani (1913).
32. Tuan Guru Hj. Cik Ibrahim Bin Musa, tinggal di Bendang Gucil.
33. Tuan Guru Hj. Abdul Samad Bin Muhammad Saman, tinggal di Jakar, Patani (1945).
34. Hj. Wan Harun Bin Hj. Wan Hasan, kadi Patani.
35. Tok Kelapa, Hj. Muhammad Husin bin Abdul Latif, tinggal di Kelapa Baris, Patani (1948).
36. Tuan Guru Pakcu Yeh, Hj. Idris Bin Abdul Karim, tinggal di Kampung Tok Raja Haji, Patani (1935).
37. Tok Bermin, Hj. Wan Muhammad Bin Hj. Wan Idris, tinggal di Bermin, Patani (1957).
38. Tuan Guru Hj. 38. Wan Ahmad Faluan Bin Yusuf, tinggal di Nadi Tanjung, Fatani (1958).

Kelebihan-kelebihannya

Ahmad Fathi al-Fatani (2002) di dalam bukunya yang bertajuk 'ulama' besar dari Fatani' telah meletakkan nama Syeikh Ahmad al-Fatani di senarai yang ketiga daripada dua puluh lima orang tokoh yang diterjemahkan riwayat hidup mereka. Satu perkara yang menarik dan menggambarkan kehebatan Syeikh Ahmad ialah apabila Ahmad Fathi al-Fatani telah mengupas tentang keistimewaan Syeikh Ahmad yang tidak dilakukannya pada tokoh-tokoh lain. Ahmad Fathi telah menggariskan sembilan keistimewaan Syeikh Ahmad al-Fatani.

- Pertama : Ulama' Melayu pertama yang merintis penyelidikan dalam bidang kimia.
- Kedua : Ulama' Melayu pertama yang belajar ilmu perubatan.
- Ketiga : Pentashih kitab-kitab Melayu yang paling awal di percetakan Mesir, Makkah dan Istanbul.
- Keempat : Pelopor penulisan sejarah yang jarang diterokai orang.
- Kelima : Seorang yang dapat mengupas untaian syair-syair Arab lama setanding dengan kebolehan jaguh Arab sendiri.
- Keenam : Seorang ulama' siasah dan pejuang yang mengambil berat terhadap nasib bangsa Melayu.
- Ketujuh: Merupakan antara segelintir ulama' Melayu yang yang berkemampuan mengarang dalam bahasa Arab.
- Kelapan : Berkebolehan mengajar 47 jenis ilmu.
- Kesembilan : Beliau merupakan ulama' Melayu pertama mengadakan soal jawab agama secara terbuka, lisan dan tulisan yang telah dibukukan dengan judul 'al-Fatawa al-Fataniah'.

Karya-karyanya

Wan Mohd Saghir (2008) mengatakan bahawa Shaykh Ahmad al-Fathani telah meninggalkan karya-karya beliau sebanyak lebih kurang 160 buah karya. Wan Mohd Saghir (2008) membahagikan karya-karya Shaykh Ahmad al-Fathani kepada tiga bentuk iaitu:

- a) Tulisan dalam Bahasa Arab
- b) Tulisan dalam Bahasa Melayu
- c) Kitab-kitab yang ditashihkan. Kitab-kitab ini terdiri daripada kitab Bahasa Arab dan kitab Bahasa Melayu.

Jumlah sebenar karya Shaykh Ahmad al-Fathani tidak dapat dipastikan kerana sebahagian besar daripada karya-karya beliau telah musnah dalam Sungai Jmabu semasa pemindahan daripada Mekah ke Jambu, Petani. Manakala sebahagian yang lain pula telah disimpan oleh beberapa orang yang tinggal di rumah beliau di Mekah.

Shaykh Ahmad al-Fathani telah bermula berkarya semenjak beliau di usia muda, semasa menuntut di Baitul Maqdis dan Mesir. Kesemua karya beliau pada usia ini ditulis dalam Bahasa Arab. Ketika usianya mencapai 15 tahun, beliau kemudian mula menulis dalam Bahasa Melayu, setibanya beliau di Mekah.

Antara karya-karya Bahasa Arab yang ditulis oleh Shaykh Ahmad al-Fathani yang dijumpai oleh Wan Mohd Soghir (2008) ialah:

- 1- **Jumanatut Tauhid**, tahun 1293 H/1876 M di Mesir. Disalin semula pada malam Ahad, pukul 8.12, pada 27 Ramadan 1312 H/24 Mac 1895 M. Ditemui hanya dua salinan selain yang disebut itu, sebuah salinan milik anak beliau Kadi Wan Ismail al-Fathani dan sebuah lagi milik anak saudara sepupu pengarang, iaitu Tuan Guru Haji Abdul Qadir Senawi al-Fathani.

Jumanat al-Tauhid ditulis dalam bentuk puisi terdiri daripada 184 bait. Pada halaman muka Sheikh Ahmad al-Fathani menegaskan bahawa beliau bermazhab Syafie dalam fiqh, Ahli Sunnah wal Jamaah (Al-Asyariyah dan al-Maturidiyah) dalam akidah, dan bertarekat dengan Tarekat Syathariyah dalam tasauf.

- 2- **Munjiatul Awam li Manhajil Huda minazh Zhalam**, diselesaikan penulisannya pada malam Jumaat, selepas sembahyang Isyak, 12 Rabiulawal 1293 H/7 April 1876 M di Mesir. Hanya dijumpai sebuah manuskrip salinan Tuan Guru Haji Mahmud bin Yusuf Juani, Gajah Mati, Kedah.

Risalah ini juga dalam bentuk puisi Arab, yang terdiri dari 102 bait, dua rangkap-dua rangkap. Kandungannya juga mengenai akidah tetapi beberapa perbicaraannya adalah berbeza dengan Jumanat al-Tauhid.

- 3- **Ats-Tsimarusy Syahiyah fi ma la Yastaghnal Mubtadi-una anhu min Masa-ilin Nahwiyah**, diselesaikan di Mesir. Tanpa dinyatakan tarikh pada manuskrip, tetapi pada manuskrip milik Abdul Lathif bin Zainal Abidin al-Fathani. Tarikh pada halaman muka dinyatakan 1294 H/1877 M.

Risalah ini yang berupa cetakan pernah dikembarkan dengan cetakan Abniyatul Asma wal Afal dan Ar-Risalatul Fathaniyah. Semua cetakan dilakukan di Patani dan di Kelantan tetapi Abniyatul Asma wal Afal dan Ar-Risalatul Fathaniyah dicetak di Timur Tengah dan risalah ini tidak tercantum. Risalah nahwu tersebut ditulis dalam bentuk puisi terdiri dari 99 bait.

- 4- **Manzhumatul Awamil**, selesai ditulis pada Jumaat, 19 Syaaban 1296 H/8 Ogos 1879 M. Hanya diperolehi sebuah manuskrip asli saja. Kitab ini mengenai ilmu nahu yang terdiri dari 69 bait. Risalah ini adalah usaha Sheikh Ahmad al-Fathani merubah karya Sheikh Abdul Qahir al-Jurjani (wafat 471 H) daripada bentuk prosa kepada bentuk puisi.
- 5- **Unqudul La-ali**, selesai ditulis pada Selasa, 23 Syaaban 1296 H/12 Ogos 1879 M. Hanya diperolehi satu manuskrip asli saja. Juga mengenai ilmu nahu digubah dalam bentuk puisi yang terdiri daripada 98 bait.

- 6- **Tas-hilu Nailil Amani**, tahun 1300 H/1882 M di Mekah. Tashilu Nailil Amani atau dengan judul lain Tasrihul Ghawanil fi Syarhil Awamil, selesai ditulis bertepatan dengan azan zuhur, 12 Rabiulawal 1300 H/21 Januari 1883 M. Cetakan

pertama diusahakan oleh Mathbaah al-Bahiyah, Mesir, 1301 H/1883 M manakala cetakan ketiga pula oleh Mathbaah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, 1317 H/1899 M.

Termasuk juga cetakan awal oleh Dar al-Kutub al-Arabiyah al-Kubra, Mesir, 1325 H/1907 M. Ada lagi cetakan pertama untuk Mathbaah al-Khairiyah, Mesir pada 1331 H/1912 M. Sejak cetakan pertamanya pada tahun 1301 H/1883 M sehingga kini, kitab tersebut masih dicetak terus oleh pelbagai percetakan termasuk beberapa percetakan di Surabaya, Bandung, Singapura, Pulau Pinang, Patani, Bangkok, dan lain-lain.

Kitab nahwu karya Sheikh Ahmad al-Fathani ini masih dijadikan bahan mengajar di beberapa tempat di dunia Islam.

- 7- **Ilmu Istiarah**, dinamakan juga Matnul Bayan, tanpa catatan tarikh. Dijumpai tiga buah manuskrip asli. Dua buah dilengkapi dengan catatan yang panjang dan sebuah tanpa catatan. Selain itu dijumpai lagi tiga naskah salinan, yang dilakukan oleh anak beliau Kadi Haji Wan Ismail al-Fathani, Haji Abdul Qadir Senawi al-Fathani dan naskah salinan Haji Mahmud bin Yusuf Juani. Cetakan risalah ini yang dijumpai adalah cetakan pertama oleh Mathbaah al-Miriyah al-Kainah, Makkah, dalam tahun 1325 H/1907 M yang digabungkan dengan Janiyatuts Tsmarat karya Sheikh Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fathani.

Judul yang diberikan pada cetakan ini ialah Risalah Tataallaqu bi Ilmil Istiariat. Dicitak pula di bahagian tepi kitab Syarhu Tadrijis Shibyan ila Tasywiqil Bayan karya Sheikh Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman al-Fathani.

Dicitak oleh Mathbaah al-Miriyah al-Kainah, Mekah, dalam tahun 1332 H/1913 M, judul yang diberikan pada cetakan ini ialah Matnul Bayan. Dicitak pula oleh Mathbaah al-Kamaliyah, Kota Bharu, Kelantan.

- 8- **Al-Fatawal Fathaniyah**, tanpa ada catatan tarikh. Hanya ditemui sebuah manuskrip tetapi tidak lengkap. Al-Fatawal Fathaniyah boleh ditemui dalam dua bahasa, iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Karya yang ditulis dalam bahasa Arab adalah kumpulan pertanyaan dan jawapan oleh Sheikh Ahmad al-Fathani, iaitu pertanyaan yang datang dari seluruh dunia Islam sedang pertanyaan yang dalam bahasa Melayu datang dari dunia Melayu saja.
- 9- **Al-Lamatun Nuraniyah wan Nafahatul Miskiyah**, hanya ditemui halaman pertama saja, di Menara, Patani, pada Oktober 1992. Kandungan kitab ini ialah mengenai sejarah Nabi Muhammad SAW.

Sumbangan Shaykh Ahmad al-Fathani dalam Ilmu Nahu

Sumbangan Shaykh Ahmad al-Fathani dapat dilihat melalui karya-karya yang telah dihasilkan oleh beliau samada melalui penulisan bahasa Melayu mahupun penulisan dalam bahasa Arab. Namun begitu artikel ini menumpukan kepada karya-karya beliau dalam bahasa Arab khususnya ilmu nahu.

Sebilangan besar karya-karya yang dihasilkan oleh Shaykh Ahmad al-Fathani berkisar mengenai bahasa Arab, dan khususnya mengenai Ilmu Nahu. Karya-karya beliau ini telah digunakan di Kelantan sebagai modul Bahasa Arab, dan juga digunakan di pondok-pondok sekitar negeri Kelantan sehingga ke sekarang (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011).

Artikel ini akan mengetengahkan lima buah karya beliau yang terkenal dalam bidang ilmu Nahu. Antara yang akan dibincangkan ialah ‘Tashil Nail al-Amani’, ‘al-Risalah al-Fataniyyah’, ‘Manzumah al-Thimar al-Shahiyyah’, ‘Manzumah ‘Unqud al-La’ali’ dan ‘Manzumah al- ‘Awamil’.

1- Tashil Nail al-Amani (تسهيل نيل الأمانى)

Kitab ini adalah kitab nahu yang ditulis dalam bahasa Arab dan telah banyak digunakan di Nusantara. Ia juga dikenali sebagai Tashil Nail al-Amani fi Sharh ‘Awamil al-Jurjani atau dinamakan juga dengan Tasrih al-Ghawamil fi Sharh al-‘Awamil. Kitab ini telah ditulis dalam bahasa Arab dan penulisannya telah selesai pada hari Isnin 12 Rabiul Awal 1300 Hijriah bersamaan dengan 12 Januari 1883 Masihi di Mekah.

Kitab ini membicarakan tentang ilmu nahu dan merupakan huraian kepada Matn al-Awamil karya Shaykh ‘Abd al-Qahir AlJurjani. Sehingga ke hari ini, kitab ini telah diajarkan samada di dunia Melayu atau dalam negeri-negeri Arab. Ia telah diulang cetak sehingga beratus kali oleh pelbagai percetakan baik di Asia Tenggara ataupun di Timur Tengah. Ia mempunyai dua versi iaitu pada versi yang pertama tiada nota kaki dan nota sisinya sementara pada versi yang kedua dari halaman pertama hingga halaman terakhir dipenuhi dengan catatan-catatan nota kaki dan nota sisi. Versi yang mempunyai nota lengkap di antara edisi cetakannya ialah dari Matba‘ah al-Miriyyah al-Kainah, Mekah pada tahun 1317H, dengan ukuran 27.5 cm x 17 cm dan tebalnya sebanyak 48 halaman. Kitab ini dicetak atas perbelanjaan Shaykh Muhammad Majid al-Kurdi al-Makki (Mohd Alwee & Mohamad Azrien, 2011).

Seterusnya cetakan Matba‘ah al-Taraqi alMajidiyyah al-‘Uthmaniyyah, Mekah pada 1331H, dengan ukuran 27.5 cm x 19.5 cm dan tebalnya sebanyak 44 halaman yang juga merupakan atas perbelanjaan Shaykh Muhammad Majid al-Kurdi al-Makki. Versi yang tidak lengkap di antaranya ialah cetakan dari Matba‘ah al-Bahiyyah, Mesir pada Muharram 1301H dengan ukuran 28 cm x 19.5 cm tebalnya sebanyak 48 halaman. Kitab ini telah mendedahkan mengenai sejarah pengajian ilmu nahu (Arab) di dunia Melayu.

Kitab ini diajar pada peringkat pertengahan dalam pengajian bahasa Arab yang telah mengenali ilmu-ilmu nahu dan perlu menghafalnya sebelum memulakan pengajian kitab Matn al-Ajrumiyyah. Kitab ini juga merupakan sebuah karya terulung beliau dalam ilmu nahu.

2- Al-Risalah al-Fataniyyah (الرسالة الفطانية)

Wan Mohd Saghir Abdullah menyatakan bahawa karya ini yang ditemui adalah dalam bentuk manuskrip iaitu berukuran 25.7 x 18.3 cm dan tebalnya sebanyak 11

halaman. Manuskrip kitab ini sekarang berada dalam simpanan keluarga al-Marhum Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah. Kitab ini dikarang oleh Shaykh Ahmad al-Fathani sewaktu beliau masih lagi berada di Mesir pada tahun 1300H bersamaan dengan 1882 Masihi.

Kitab ini telah banyak kali dicetak dan di antara edisi cetakan yang telah dijumpai ialah cetakan dari Matba'ah Dar al-Kutub al-'Arabiyyah al-Kubra, Mesir. Ia dicetak pada akhir Zul Hijjah pada tahun 1326 Hijriah bersamaan dengan 1908 Masihi iaitu yang berukuran 20x14 cm dan tebalnya sebanyak 24 halaman.

Kitab al-Risalah al-Fathaniyyah telah menjadi bahan rujukan dan merupakan sebuah kitab hafalan di beberapa institusi pengajian pondok di Jambi dan Riau. Kitab ini juga telah menjadi kitab rujukan utama di Tanah Melayu terutamanya di pondok-pondok sekitar negeri Kelantan, Selangor dan Kedah. Kitab ini bukan sahaja terkenal di Tanah Melayu, tetapi juga di Bangkok dan di seluruh Thailand dan Cam (Kemboja). Kitab ini digunakan kerana huraiannya yang padat di samping memudahkan tenaga pengajar dalam menyampaikan pengajian ilmu nahu.

3- Manzumah al-Thimar al-Shahiyyah (منظومة الثمار الشهية)

Kitab ini menerangkan mengenai ilmu Nahu dengan menggunakan puisi. Shaykh Ahmad al-Fathani menggunakan huruf ra' sebagai rima akhir puisi ini dari awal kitab hingga akhirnya. Puisi ini terdapat sebanyak 99 bait. Ini menunjukkan kehebatan Shaykh Ahmad al-Fathani yang berbangsa Melayu tetapi mampu mengarang kitab dalam bahasa Arab dengan menggunakan puisi. Kebolehan sebegini amat sukar di kalangan ulama Melayu yang lain.

4- Manzumah 'Unqud al-La'ili (منظومة عنقود الليلي)

Kitab ini menerangkan mengenai ilmu Nahu dengan menggunakan puisi. Shaykh Ahmad al-Fathani menggunakan huruf lam berbariis bawah ditambah dengan huruf ya' sebagai rima akhir puisi ini dari awal kitab hingga akhirnya. Puisi ini terdapat sebanyak 98 bait.

5- Manzumah al-'Awamil (المنظومة العوامل)

Risalah ini juga membincangkan mengenai ilmu Nahu dan merupakan usaha Shaykh Ahmad al-Fathani dalam merubah karya Shaykh 'Abd al-Qahir al-Jurjani (w. 471H) dari bentuk prosa kepada bentuk puisi. Risalah ini walaubagaimanapun tidak lagi digunakan sebagai buku teks utama di pondok-pondok negeri Kelantan.

Kesimpulan

Kehebatan Shaykh Ahmad al-Fathani tidak dapat disangkal lagi. Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, sumbangan Shaykh Ahmad al-Fathani amat besar dan memberi impak yang besar samada di kalangan pelajar-pelajar yang mengambil pengajian Bahasa Arab mahupun para pengajar. Karya-karya beliau yang begitu unik dan mempunyai keistimewaan tersendiri ini menyebabkan sebahagian daripadanya masih lagi digunakan sebagai buku teks dan juga bahan rujukan. Tambahan lagi, karya-karya beliau yang

bervariasi memberi peluang kepada tenaga pengajar dan peminat bahasa Arab untuk memilih bentuk penulisan yang paling sesuai dan digemari.

Rujukan

- al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Fatani, Ahmad Fathi (2002). *Ulama besar dari Fatani*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Malaysia.
- al-Syarqawi, Ibnu Sulaiman (2009). *Kenali Syeikh Ahmad Al-Fatani*. Bicara Failasuf. 8 Disember 2009. <http://failasuf77.blogspot.my/2009/12/kenali-syeikh-ahmad-al-fatani.html>.
- Mohd Alwee Yusoff. (1994). *Perkataan Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Analisis Morfologi dan Semantik*. Tesis Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Mohd Alwee Yusof & Mohamad Azrien Mohamae Adnan. *Shaykh Ahmad al-Fatani (1856- 1980M) dan sumbangannya terhadap pengajian ilmu Nahu di institutu pondok negeri Kelantan* dalam al-Basirah (2011). vol 1. no. 1. hal 161-171.
- Muhammad Nuruddin Bashah (2014). *Mengenal Sheikh Ahmad Al-Fatani-Arkitek Kemerdekaan Aliran Islam*. Landskap Siasah. 5 September 2014. <http://landskapsiasah.blogspot.my/2014/09/mengenal-sheikh-ahmad-alfatani.html>.
- Saadan Man & Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaluddin. *Sumbangan ulama Melayu klasik dalam menjana budaya ilmu di alam Melayu* dalam seminar antarabangsa Islam Borneo (2012).
- Wan Mohd Shaghbir Abdullah (2008). *Karya Bahasa Arab Sheikh Ahmad al-Fatani*. Utusan Malaysia. Bicara Agama. 16 Jun 2008. Utusan Online: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0616&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm
- Wan Mohd Shaghbir Abdullah (2008). *Keilmuan Sheikh Ahmad al-Fathani diiktiraf ulama dunia*. Utusan Malaysia. Bicara Agama. 2 Jun 2008. Utusan Online: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0602&pub=Utusan_Malaysi a&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm
- Wan Mohd Shaghbir Abdullah (2008). *Kelahiran Sheikh Ahmad Al-Fatani rahmat bagi umat Islam*. Utusan Malaysia. Bicara Agama. 19 Mei 2008. Utusan Online: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0519&pub=Utusan_Malaysi a&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm.